PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT



PELAN STRATEGIK 2026 - 2030

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT

" INOVASI KE ARAH KECEMERLANGAN KESEJAHTERAAN BERSAMA UNTUK KEMAJUAN ORGANISASI "

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKA SURAT
Prakata	2
Profil Daerah Kuala Langat	3
Senarai Pegawai Daerah Kuala Langat	4
Sejarah & Pengenalan	5 – 6
Pencapaian	7
Carta Organisasi	8
Fungsi Jabatan	9
Fungsi dan Peranan	10 – 15
Pemegang Taruh & Pelanggan	16
Senarai Undang-Undang & Punca Kuasa Yang Di Rujuk	17
Rangka Kerja Strategi (*Strategy Framework*)	18
Rangka Kerja Kualiti (*Quality Framework*)	19
Visi, Misi, Moto dan Slogan	20
Nilai-Nilai Bersama	21
Isu-Isu Strategik	22
Ringkasan Teras Strategik	23
Teras Strategik	25 – 46
Jawatankuasa Pemantauan Dan Kajian Semula	47
Penghargaan & Penutup	48

PRAKATA



Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T atas izin-Nya, Pelan Strategik Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat (PDTKL) bagi tahun 2026-2030 dapat diterbitkan. Saya mengambil kesempatan ini ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada semua warga PDTKL di atas daya usaha dan komitmen yang tinggi untuk menghasilkan dokumen Pelan Strategik ini.

Dokumen ini adalah lambang manifestasi ketersediaan warga PDTKL bagi tempoh lima tahun akan datang dalam mencapai Visi Jabatan untuk menjadi agensi di bawah Kerajaan Negeri Selangor yang berwibawa pada tahun 2030. Saya juga menyeru warga PDTKL untuk bersama-sama menghayati Misi Jabatan iaitu mentadbir urus pembangunan Daerah dan Tanah secara efisien, telus dan berorientasikan rakyat berasaskan teknologi terkini dan nilai tadbir urus unggul.

Pelan ini terdiri daripada empat (4) teras strategik, 15 strategi dan 40 program yang merupakan halatuju PDTKL dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Pelan ini akan dijadikan panduan dalam melancarkan proses perancangan pembangunan dan pengurusan PDTKL bagi tahun 2026-2030. Saya berharap agar semua pegawai dan kakitangan sentiasa mempertingkatkan kecekapan, integriti dan kredibiliti dalam pelaksanaan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan supaya gerak kerja cemerlang dapat dibudayakan dan dipupuk dalam diri setiap individu.

Semoga dengan adanya Pelan Strategik ini dapat membantu menetapkan hala tuju dan memastikan keberkesanan sistem penyampaian Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat (PDTKL) sebagai peneraju utama agensi di daerah ini.

Sekian, terima kasih.


YM TENGKU ROHANA BINTI TENGKU NAWAWI
Pegawai Daerah Kuala Langat



PROFIL DAERAH KUALA LANGAT

DAERAH KUALA LANGAT TERLETAK DI SEBELAH BARAT DAYA NEGERI SELANGOR

KELUASAN DAERAH - 62,634.43 HEKTAR
BILANGAN MUKIM : 7



MUKIM TANJUNG DUA BELAS
Keluasan Mukim – 15,962.712 hektar
Kampung Tradisi : 11
Komuniti Kaum India : 1

MUKIM MORIB
Keluasan Mukim – 3,400.327 hektar
Kampung Tradisi : 2
Komuniti Kaum India : 1

MUKIM TELOK PANGLIMA GARANG
Keluasan Mukim – 7,157.987 hektar
Kampung Tradisi : 6
Kampung Baru : 1
Komuniti Kaum India : 1

MUKIM KELANANG
Keluasan Mukim – 6,640.442 hektar
Kampung Tradisi : 4

MUKIM BANDAR
Keluasan Mukim – 3,193.893 hektar
Kampung Tradisi : 3

MUKIM BATU
Keluasan Mukim – 7,081.59 hektar
Kampung Tradisi : 5
Kampung Baru : 1
Komuniti Kaum India : 1

MUKIM JUGRA
Keluasan Mukim – 19,197.477 hektar
Kampung Tradisi : 3

SENARAI PEGAWAI DAERAH KUALA LANGAT

1 **1925 – 1926** N.R Jarret	2 **1926 – 1928** W.A Gordon Hall	3 **1928 – 1929** J. Fockner	4 **1929 – 1931** Dato' Hamzah bin Abdullah	5 **1932 – 1933** YTM Tunku Abd Rahman
6 **1933 – 1934** Kapten Mohd. Salleh bin Sulaiman	7 **1934 – 1935** Tengku Aman Shah	8 **1935 – 1936** Othman bin Mohamed	9 **1937 – 1939** Mokhtar bin Mohd Shah	10 **1940 – 1941** YM Raja Ayob bin Raja Haji Bot
11 **1942 – 1945** Dato' Ismail bin Mohd Shah	12 **1945 – 1946** Major Black	13 **1946 – 1947** C.W.F Clifford	14 **1947 – 1948** P.H Setchel	15 **1949 – 1950** J.A Freaser
16 **1951 – 1952** W. Tucker	17 **1953 – 1955** Ismail bin Dr. Abd Latiff	18 **1956 – 1957** YM Tunku Syed Abdullah	19 **1958 – 1959** Ibrahim bin Ali	20 **1959 – 1959** Akasah bin Haji Ali
21 **1959 – 1962** YM Raja Shah Kobat bin Raja Hamzah	22 **1963 – 1964** Sulaiman bin Don	23 **1965 – 1968** Abdul Rahim bin Hussein	24 **1969 – 1969** Taib bin Ali	25 **1969 – 1970** Ismail bin Kadir
26 **1970 – 1978** Haji Wan Hilal bin Haji Wan Abd. Rahman	27 **1979 – 1983** Haji Omar bin Khalid	28 **1983 – 1984** Haji Ahmad Rafai bin Abdullah	29 **1984 – 1991** Mohamad Ghazali bin Haji Yahya	30 **1992 – 1995** Asaha@Ishak bin Abong
31 **1996 – 2000** Mohd Yusop bin Mat Judin	32 **2000 – 2002** Md Yusup bin Badul	33 **2002 – 2005** Rozali bin Ahmad	34 **2005 – 2011** Dato' Asmawi bin Kasbi	35 **2002 – 2005** Mohamad Yasid bin Bidin
36 **2012 – 2018** Haji Rosli bin Othman	37 **2018 – 2022** Haji Mohd Jusni bin Hashim	38 **2022 – 2024** Muhammad Heeza bin Hassan	39 **2024 – Kini** YM Tengku Rohana binti Tengku Nawawi	

SEJARAH DAN PENGENALAN

TAHUN 1876 - 1920



Bangunan bekas Pejabat Daerah Jugra merupakan pusat pentadbiran pada zaman pemerintahan Inggeris bagi menguruskan hal-hal kewangan dan perundangan negeri. Tinggalan sejarah ini telah menjadi bukti bahawa Pentadbiran Negeri Selangor telah menerima pemerintahan secara Residen buat pertama kalinya semasa era pemerintahan Sultan Abdul Samad.

Pada ketika itu, Residen Inggeris yang pertama iaitu J.G Davidson yang ditempatkan di Klang, manakala Penolong Residen itu Frank Swettenhem telah ditempatkan di Jugra.

Bangunan ini turut menempatkan bank dan mahkamah bagi memudahkan urusan pentadbiran dan masyarakat. Lokasinya amat strategik kerana terletak di lereng Bukit Jugra bagi memerhatikan kapal-kapal pedagang keluar masuk menghala ke Sungai Langat.

TAHUN 1920 - 1965

Seterusnya pada era pemerintahan Sultan Alaeddin Sulaiman Shah pula, pusat pentadbiran kolonial Inggeris di Daerah Kuala Langat telah berpindah ke Telok Datok pada tahun 1920.

Lokasi pejabat ini agak jauh daripada Istana Bandar yang menjadi tempat bersemayam DYMM Sultan Selangor pada ketika itu. Namun begitu, lokasi pejabat ini masih hampir dengan Sungai Langat yang menjadi laluan utama kapal-kapal pedagang. Pejabat ini kekal menjadi pusat pentadbiran Daerah Kuala Langat sehingga tahun 1965.



SEJARAH DAN PENGENALAN

TAHUN 1966 - 2008



Pada tahun 1966, pejabat baharu telah dibina dengan struktur yang lebih kukuh di tapak yang sama di Telok Datok dengan peruntukan Kerajaan Negeri Selangor sebanyak RM200,000.00.

Bangunan ini telah dirasmikan pada 21 Mei 1967 oleh Timbalan Perdana Menteri Malaysia pada ketika itu, YAB Tun Abdul Razak bin Dato' Hussein Alhaj yang juga selaku Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Setelah 42 tahun, bangunan yang kini masih gah berdiri di Telok Datok telah menjadi sejarah dalam pentadbiran Daerah Kuala Langat pasca kemerdekaan dalam memberikan perkhidmatannya kepada masyarakat. Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat akhirnya telah berpindah ke bangunan baru di Kota Sri Langat (Sungai Sedu) pada tahun 2008.

TAHUN 2008 - KINI

Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat mula dibina pada tahun 2004. Pembinaannya telah mengambil konsep reka bentuk dan nilai-nilai estetika Istana Sultan Alaeddin Sulaiman Shah di Kampung Bandar, Mukim Bandar.

Lokasi bangunan ini terletak di Kota Seri Langat (Sungai Sedu). Bangunan baru ini telah memulakan operasinya pada 16 April 2008. Suasana persekitaran kerja adalah lebih kondusif dan selesa kepada warga kerja serta pelanggan yang berurusan di pusat pentadbiran ini.



PENCAPAIAN

2020 PENCAPAIAN

Sijil Pengiktirafan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) – *Do It Yourself* (DIY).

2023 PENCAPAIAN

- Johan - sukan antara Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor (PETANDA).
- Johan - perbarisan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-66 peringkat Negeri Selangor.
- Pensijilan MS ISO 9001 : 2015.

2024 PENCAPAIAN

Naib Johan - Anugerah Inovasi Negeri Selangor (Sektor Awam - Trek Sosial) Tahun 2024.

Penganugerahan *Special Recognition Award for Government & Technical Agencies in Selangor* di *Selangor Investors Appreciation Awards*


Tempat ke-3 - perbarisan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-67 peringkat Negeri Selangor.

2025 PENCAPAIAN

- Johan - sukan antara Pejabat Daerah dan Tanah Negeri Selangor (PETANDA).
- 5 Bintang - kebersihan tandas, dalam Program Penarafan Bintang Tandas Awam oleh Majlis Perbandaran Kuala Langat.
- Naib Johan - perbarisan sempena sambutan Hari Kebangsaan ke-68 peringkat Negeri Selangor.

CARTA ORGANISASI

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT



FUNGSI JABATAN

01 Mengurus dan memastikan pengurusan pentadbiran, modal insan, perkhidmatan, pengurusan kerajaan, keraian, pengurusan aduan, pengurusan fasiliti, pengurusan bencana dan sistem ICT serta perlaksanaan berkesan dan mampu beroperasi dengan efektif serta mematuhi arahan, peraturan dan undang-undang berkuatkuasa.

02 Mengurus, merancang dan melaksanakan urusan pentadbiran tanah dengan cekap dan efisien mengikut arahan dan undang-undang yang berkuatkuasa.

03 Merancang, menyelaras, melaksana serta memantau program dan projek pembangunan luar bandar bagi meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi masyarakat setempat, memperkukuh kemudahan asas serta memastikan pembangunan yang seimbang, inklusif dan mampan selaras dengan dasar serta hala tuju pembangunan Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan.

04 Memberi khidmat nasihat / pandangan perundangan berkaitan hal ehwal tanah yang profesional, adil dan efisien mengikut lunas undang-undang.

05 Memastikan tadbir urus terbaik, pengukuhan integriti dalam memupuk budaya kerja beretika dan memastikan undang-undang dan peraturan berkuatkuasa dipatuhi.

FUNGSI DAN PERANAN
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

UNIT PENTADBIRAN DAN KEWANGAN

- Pengurusan sumber manusia, perkhidmatan dan HRMIS.
- Pengurusan dan pentadbiran kewangan.
- Pengurusan dan pentadbiran am pejabat.
- Pengurusan dan penyelenggaraan aset stor dan bangunan kerajaan.
- Pengurusan aduan awam dan khidmat pelanggan.
- Urusetia mesyuarat jawatankuasa berkala / pelbagai mesyuarat lain.

UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT

- Memberikan perkhidmatan ICT ke arah merealisasikan program kerajaan elektronik.
- Pengurusan meja bantuan.
- Memantau dan menyelenggara kemudahan infrastruktur ICT, perkakasan, perisian, sistem keselamatan dan rangkaian jabatan.
- Menyelia dan menyediakan latihan atau info ICT kepada penjawat awam jabatan bagi membudayakan ICT.
- Pengurusan harta modal peralatan ICT.







UNIT MAJLIS & KERAIAN

- Menyelaras, mengatur dan melaksanakan majlis rasmi, program sambutan dan keraian Kerajaan Negeri & Persekutuan di peringkat Daerah, Mukim dan Kampung.
- Urusetia Pencalonan Anugerah, Bintang & Darjah Kebesaran (Negeri & Kebangsaan).

UNIT KESELAMATAN

- Bertindak sebagai Urusetia Keselamatan Daerah dan Pengurusan Bencana Daerah.
- Majlis Keselamatan Jalan Raya.

FUNGSI DAN PERANAN
BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH

UNIT PELUPUSAN TANAH

- Menerima dan memproses permohonan bagi Pemberimilikan, Lesen Pendudukan Sementara, Permit Ruang Udara, Permit Bahan Batuan, Lanjut Tempoh Pajakan, Pajakan Tanah Kerajaan dan Perizaban Tanah Kerajaan di bawah Kanun Tanah Negara (Akta 828).
- Mengurus permohonan pembelian dan semakan pelan.
- Penyediaan laporan pelan dan laporan tanah.
- Melaksanakan urusan *charting* tanah dan penyediaan pelan-pelan tanah.
- Memantau pencapaian prestasi kutipan premium pelupusan tanah dan permit.

UNIT PEMBANGUNAN TANAH

- Memproses permohonan Pecah Sempadan, Pecah Bahagian, Penyatuan, Tukar Kategori dan Syarat Nyata, Serah Balik dan Berimilik Semula, Serah Sebahagian Tanah, Serah Keseluruhan Tanah dan Hak Lalu Lalang di bawah Kanun Tanah Negara (Akta 828).
- Memproses permohonan Pengambilan Tanah di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960.
- Memproses permohonan Hak Laluan Elektrik di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.
- Memproses permohonan Permit Khas Tanah.
- Menyediakan ulasan teknikal berkaitan Kebenaran Merancang dan Pembangunan Tanah.
- Memantau pencapaian prestasi kutipan premium.

UNIT TEKNIKAL DAN PENGUATKUASAAN

- Menjalankan pemantauan, penyiasatan dan tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti pengalihan bahan batuan tanpa kelulusan, pencerobohan tanah kerajaan serta aktiviti pelanggaran kategori / syarat nyata tanah berdasarkan peruntukan dan tatacara dalam Kanun Tanah Negara (Akta 828).
- Mengurus permohonan pelan, penyediaan laporan pelan, laporan tanah dan *charting* maklumat tanah.







FUNGSI DAN PERANAN
BAHAGIAN PENGURUSAN TANAH

UNIT HASIL

- Mengutip dan meningkatkan sumber pendapatan negeri melalui kutipan cukai hasil tanah dan petak.
- Memastikan segala urusan Terimaan Wang di akaun dan diselenggarakan mengikut prosedur yang betul, Arahan Perbendaharaan, Pekeliling Perbendaharaan Akta Acara Kewangan 1957 yang sedang berkuatkuasa.
- Menyelaras aktiviti berkaitan keperluan dan pergerakan Kaunter Hasil Bergerak (Van Hasil) termasuk jadual program / petugas kaunter.
- Mengawal selia akaun-akaun yang mempunyai tunggakan cukai yang tinggi / bermasalah di samping memastikan rekod butiran hakmilik yang tertunggak sentiasa dikemaskini melalui sistem eTanah.
- Melaksanakan operasi bersepadu bagi meningkatkan kutipan cukai tanah / petak tertunggak.
- Melaksanakan tindakan penguatkuasaan terhadap tanah yang mempunyai tunggakan cukai, termasuk pemantauan, siasatan, dan tindakan undang-undang.
- Menyediakan laporan bulanan kutipan hasil, penyata penyesuaian hasil dan lain-lain laporan.



UNIT PENDAFTARAN

- Menerima dan mendaftar suratcara urusniaga.
- Menerima dan mendaftar suratcara bukan urusniaga.
- Memproses permohonan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri (*consent*).
- Menguruskan pendaftaran hakmilik termasuk baharu, gantian, sambungan dan lain-lain.
- Menguruskan pertukaran hakmilik sementara kepada hakmilik kekal.
- Mengurus dan memproses permohonan perintah jual.
- Memproses urusan permohonan carian hakmilik lain-lain urusan berkaitan hakmilik.





FUNGSI DAN PERANAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN

UNIT PEMBANGUNAN MASYARAKAT

- Melaksanakan dan mengurus program-program dan majlis-majlis rasmi anjuran jawatankuasa tetap (STANCO) Kerajaan Negeri Selangor.
- Menguruskan urusan perkhidmatan, perlantikan dan penamatan Ketua Kampung Tradisi, Ketua Komuniti India dan Ketua Kampung Baru.
- Mengurus dan mengawal selia peruntukan Ahli Parlimen, ADN dan Pegawai Penyelaras.
- Pengurusan bantuan dana keusahawanan (Dana Usahawan Madani Selangor (DUMS).
- Pengurusan bantuan Pembasmian Kemiskinan Kerajaan Negeri Selangor:-
  - ✔ Rumah Kerajaan Prihatin
  - ✔ Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan
  - ✔ Bantuan Usahawan India Selangor (I-Seed)





UNIT PEMBANGUNAN FIZIKAL

- Merancang, menyelaras dan melaksanakan Projek Pembangunan berkaitan kemudahan infrastruktur awam, jalan dan bangunan dalam kawasan kampung melalui peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan.
- Menyelaras dan mengurus aduan berkaitan infrastruktur luar bandar daerah Kuala Langat.
- Mengurus dan menyelaras perolehan Unit Pembangunan Fizikal.
- Mengurus proses tuntutan bayaran projek.







FUNGSI DAN PERANAN
BAHAGIAN PERUNDANGAN

BAHAGIAN PERUNDANGAN

- Memberi khidmat nasihat / pandangan perundangan kepada bahagian / unit di PDTKL dan orang awam berkaitan hal ehwal tanah apabila dirujuk.
- Membantu Kamar Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor menyediakan dokumentasi perundangan / kertas kausa (Pernyataan Pembelaan / Afidavit Jawapan / Senarai Saksi / Pernyataan Saksi / Ringkasan Kes / Kronologi Kes / Dokumen Sokongan) bagi pihak PDTKL untuk difailkan di mahkamah bagi kes-kes sivil.
- Menghadiri pengurusan / pendengaran / perbicaraan kes di mahkamah bagi wakil / pihak PDTKL mengikut keperluan.
- Menguruskan permohonan kemasukan dan pengeluaran wang pampasan di Mahkamah Tinggi bagi kes pengambilan tanah selaras dengan subseksyen 29(1)(a), (b) atau (c) dan seksyen 29(2) Akta Pengambilan Tanah 1960.
- Memfailkan Borang O (Rujukan kepada mahkamah) di Mahkamah Tinggi bagi kes rujukan tanah (*land reference*) selaras dengan subseksyen 38(5) Akta Pengambilan Tanah 1960.
- Membuat semakan kertas siasatan yang diterima daripada Pegawai Penyiasat / Penolong Pegawai Daerah (Unit Penguatkuasaan) bagi kesalahan di bawah seksyen 425 dan 426 Kanun Tanah Negara [Akta 828] sebelum diangkat untuk pertimbangan Pentadbir Tanah dan Timbalan Pendakwa Raya.
- Membuat semakan perjanjian melibatkan PDTKL.
- Menguruskan permohonan pewartaan dan pembatalan pewartaan pegawai di PDTKL sebagai Majistret Kelas Pertama (I), Majistret Kelas Kedua (II), Pentadbir Tanah atau Penolong Pentadbir Tanah bagi menjalankan kuasa-kuasa dan / atau melaksanakan tugas-tugas di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara [Akta 828] seperti menjalankan siasatan, mengurus sumpah dan akuan, mendaftar serta membantu urusan penyaksian bagi penyempurnaan borang-borang suratcara berkaitan urusan urusniaga dan bukan urusniaga.)





FUNGSI DAN PERANAN
UNIT INTEGRITI

UNIT INTEGRITI

- Penubuhan Unit Integriti ini merupakan usaha kawalan dalaman oleh agensi untuk menguruskan integriti dalam organisasi. Unit ini bertanggungjawab untuk melaksanakan enam (6) fungsi teras seperti berikut :

i. **Tadbir urus**

ii. **Pengukuhan Integriti**

iii. **Pengesanan & Pengesahan**

iv. **Pengurusan Aduan**

v. **Pematuhan**

vi. **Tatatertib**

INTEGRITI PDTKL





PEMEGANG TARUH DAN PELANGGAN

MENTERI BESAR

MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR

SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

01

PELANGGAN

- SEKTOR SWASTA
- PELABUR
- PENIAGA

02

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT

- ORANG AWAM
- RAKYAT

03

PEMEGANG TARUH

- KEMENTERIAN
- JABATAN
- AGENSI KERAJAAN

SENARAI UNDANG-UNDANG DAN PUNCA KUASA YANG DIRUJUK

AKTA

- Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 783]
- Akta Bekalan Elektrik 1990 [Akta 447]
- Akta Hakmilik Strata 1985 [Akta 318]
- Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98]
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171]
- Akta Kontrak 1950 [Akta 136]
- Akta Kontrak Kerajaan 1949 [Akta 120]
- Akta Mahkamah Rendah 1948 [Akta 92]
- Akta Orang Asli 1954 [Akta 134]
- Akta Pemegang Amanah 1949 [Akta 208]
- Akta Pengambilan Tanah 1960 [Akta 486]
- Akta Pengurusan Strata 2013 [Akta 757]
- Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 [Akta 198]
- Akta Probet dan Pentadbiran 1959 [Akta 97]
- Akta Prosiding Kerajaan 1956 [Akta 359]
- Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88]
- Akta Setem 1949 [Akta 378]
- Akta Surat Kuasa Wakil 1949 [Akta 424]
- Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388]

PERLEMBAGAAN

- Perlembagaan Persekutuan

KANUN

- Kanun Prosedur Jenayah [Akta 593]
- Kanun Tanah Negara [Akta 828]

ENAKMEN

- Enakmen Rizab Melayu (Selangor) (Bab 142)

KAEDAH-KAEDAH

- Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012
- Kaedah-Kaedah Pesuruhjaya Sumpah 1993
- Kaedah-Kaedah Tanah Selangor 2003

PEKELILING / ARAHAN DAN PERINTAH

- Pekeliling / Arahan Perkhidmatan Awam
- Pekeliling / Arahan Pentadbiran Ketua Jabatan & SUK
- Pekeliling / Arahan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
- Pekeliling / Arahan Pengarah Tanah dan Galian Selangor
- Pekeliling / Arahan Perbendaharaan
- Arahan Keselamatan
- Perintah Am

RANGKA KERJA STRATEGI *(STRATEGY FRAMEWORK)*

Perekayasaan Proses Kerja *(Business Process Reengineering)*, Program Kualiti



Senarai Jawatankuasa (J/K Inovasi, J/K Integriti, Pelbagai J/K lain)

MS ISO, EKSA, Penarafan Bintang, APPC, Sistem & Aplikasi ICT





Laporan Prestasi & Sasaran Kerja Utama


Tambah baik proses & Prosedur kerja

OBJEKTIF JABATAN

FUNGSI BAHAGIAN / UNIT

SENARAI TUGAS

RANGKA KERJA KUALITI *(QUALITY FRAMEWORK)*



VISI, MISI, MOTO DAN SLOGAN



NILAI-NILAI BERSAMA

PROGRESIF

P

Sentiasa maju dengan idea baharu dan teknologi demi kemajuan daerah.

DINAMIK

D

Fleksibel dan tangkas dalam menangani cabaran serta perubahan.

TERANGKUM

T

Mengutamakan keterangkuman dan keadilan untuk semua lapisan masyarakat.

KOMPETEN

K

Berpengetahuan, cekap dan berintegriti dalam menyampaikan perkhidmatan berdasarkan undang-undang berkuatkuasa.

LESTARI

L

Menjaga keseimbangan pembangunan dan alam sekitar secara berterusan.

ISU-ISU STRATEGIK

Ekspektasi pemegang taruh dan pelanggan yang tinggi terhadap sistem penyampaian perkhidmatan

Penekanan terhadap amalan tadbir urus murni bagi mengekang sikap negatif penjawat awam

Pemerkasaan pembangunan dan pengurusan modal insan yang berintegriti ke arah meningkatkan kecemerlangan

Pemantapan kecekapan penggunaan ICT dan penyebaran maklumat

Pemantapan pengurusan institusi mukim dan kampung ke arah penyampaian perkhidmatan berkesan sehingga ke peringkat akar umbi

KEKUATAN	KELEMAHAN	PELUANG	ANCAMAN
• Kemahiran dan kepakaran pengurusan dalaman. • Waran penjawatan tenaga kerja hampir penuh. • Pengurusan perkhidmatan teras yang sistematik.	• Sumber kewangan yang terhad. • Keperluan meningkatkan motivasi kakitangan. • Dasar semasa yang fleksibel dan dinamik.	• Komuniti masyarakat yang memerlukan perkhidmatan yang terbaik dan efektif berdasarkan teknologi yang terkini. • Daerah pesat, membangun dan metropolitan. • Kerjasama komuniti yang aktif dan responsif.	• Stigma dan perspektif negatif masyarakat terhadap prestasi tugas perkhidmatan awam. • Kos kehidupan makin meningkat • Perubahan iklim.



RINGKASAN TERAS STRATEGIK

MATLAMAT TERAS STRATEGIK

01

KECEMERLANGAN TADBIR URUS

(6 – Strategi)
(17 - Program)

02

PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH

(3 – Strategi)
(9 - Program)

03

INTEGRASI PEMBANGUNAN DAN SOSIO EKONOMI

(3 – Strategi)
(6 - Program)

04

PENGURUSAN BENCANA

(3 – Strategi)
(8 - Program)





PELAN STRATEGIK

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT

TERAS STRATEGIK

T1 – KECEMERLANGAN TADBIR URUS

TERAS STRATEGIK

T1 – KECEMERLANGAN TADBIR URUS

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 1										
Memperkasakan pembangunan dan perancangan sumber manusia.	**1. Pembangunan Pelan Strategik Sumber Manusia (PSSM) 2026-2030 yang komprehensif:**	Peratus kemajuan	50	50				Pengurusan Sumber Manusia yang efisien dan menyeluruh.	2026 - 2030	BKP
	i. Sesi libat urus dengan pihak berkaitan.	Kekerapan sesi libat urus	1	1						
	ii. Kajian berkaitan sumber manusia.	Peratus kemajuan	50	50						
	iii. Pemantauan Pelan Tindakan PSSM.	Bilangan pemantauan		1	1	1	1			
	iv. Semakan semula PSSM.	Bilangan semakan				1				
	2. Pelaksanaan Analisa Keperluan Latihan Pegawai dan Kakitangan.	Bilangan laporan	1	1	1	1	1	Melahirkan pegawai dan kakitangan yang mempunyai kemahiran dalam pelbagai bidang dan dapat memastikan jabatan beroperasi dengan baik dan berkesan.	2026 - 2030	BKP

TERAS STRATEGIK

T1 – KECEMERLANGAN TADBIR URUS

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 2 **Menambah baik pembangunan organisasi.**	**1. Penstrukturan semula jabatan:**									
	i. Kajian keperluan jabatan.	Kekerapan kajian		1				Peningkatan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti.	2026 - 2030	BKP
	ii. Sesi libat urus.	Kekerapan sesi	1	1						
	iii. Kertas cadangan penstrukturan semula.	Bilangan kertas cadangan		1						
	2. Pusingan kerja.	Kekerapan sesi		1		1				

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 3 **Meningkatkan Akauntibiliti Pengurusan Kewangan.**	**1. Pemerkasaan mekanisme kewangan dan perakaunan:**									
	i. Pembangunan garis panduan / ISO dalaman sebagai panduan kearah pengurusan kewangan yang utuh.	Bilangan garis panduan						Pematuhan kepada Arahan Perbendaharaan dan peraturan yang sedang berkuatkuasa.	2026 - 2030	BKP
	2. Penambahbaikan teguran audit.									
	i. Hebahan.	Kekerapan hebahan	6	6	6	6	6	Pengurangan teguran audit pengurusan kewangan yang efisyen berdasarkan peraturan yang sedang berkuatkuasa.	2026 - 2030	BKP
	ii. Sesi libat urus dengan warga kerja jabatan.	Kekerapan sesi	2	2	2	2	2			

TERAS STRATEGIK

T1 – KECEMERLANGAN TADBIR URUS

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 4										
Memperkukuhkan ekosistem ICT jabatan.	**1. Naik taraf infrastruktur ICT:**									
	i. Naik taraf topologi rangkaian jabatan.	Bilangan Projek		1				Penyelenggaraan dan pemantauan yang lebih efisien.	2026 - 2030	BKP
	ii. Naiktaraf *rack floor switch* (5U ke 9U) di setiap aras dalam jabatan.	Bilangan Unit		8				Peningkatan keselamatan dan penyelenggaraan peralatan lebih mudah.		
	iii. Penggantian, naiktaraf dan kemasan struktur pengkabelan rangkaian dalaman jabatan.	Bilangan Unit / Bahagian					9	Peningkatan capaian rangkaian.		
	2. Melaksanakan pelan keselamatan bagi mengelakkan penggodaman data:									
	i. Pelaksanaan hebahan Kesedaran Keselamatan ICT.	Bilangan hebahan	12	12	12	12	12	Peningkatan kesedaran keselamatan ICT dalam jabatan.	2026 - 2030	BKP
	ii. Program Latihan Keselamatan ICT.	Bilangan hebahan	1	1	1	1	1			

TERAS STRATEGIK

T1 – KECEMERLANGAN TADBIR URUS

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 5 **Memperkasa budaya kerja cemerlang.**	**1. Pengukuhan kompetensi khidmat pelanggan:**									
	i. Pembangunan Garis Panduan Pengurusan Pelanggan.	Bilangan garis panduan	1							
	ii. Pelaksanaan Latihan kepada kakitangan barisan hadapan.	Bilangan latihan	1	1	1	1	1	Peningkatan tahap kepuasan pelanggan ke atas jabatan.	2026 - 2030	BKP
	iii. Pelaksanaan Kajian Impak Kepuasan Pelanggan (Dalaman dan Luaran).	Bilangan kajian	1	1	1	1	1			
	2. Pembudayaan inovasi:									
	i. Hebahan pembudayaan inovasi peringkat jabatan / negeri.	Kekerapan hebahan	6	6	6	6	6	Peningkatan kecekapan dan produktiviti kerja.	2026 - 2030	BKP
	ii. Hari inovasi.	Bilangan aktiviti	1		1		1	Pengaktifan budaya inovasi secara menyeluruh dikalangan pegawai-pegawai.		

TERAS STRATEGIK

T1 – KECEMERLANGAN TADBIR URUS

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 5 **Memperkasa budaya kerja cemerlang.**	**3. Pemerkasaan nilai-nilai integriti jabatan:** i. Bengkel.	Bilangan program	2	1	1	1	1	Pensijilan dan pengiktirafan dari SPRM / Integriti.	2026 - 2030	BKP
	4. Persekitaran kerja kondusif dan sejahtera: i. Dasar keseronokan bekerja.	Bilangan program	3	1	1	1	1	Peningkatan tahap integriti dan motivasi pegawai-pegawai.	2026 - 2030	BKP
	5. Penambahbaikan prosedur kerja: i. MS ISO ii. EKSA iii. INOVASI	Bilangan program	2		1		1	Penambahbaikan tatacara kerja bagi mempercepatkan urusan.	2026 - 2030	BKP
	6. Pelan Kesinambungan perkhidmatan (PKP) yang komprehensif: i. Sesi libat urus dengan pihak berkaitan. ii. Dokumentasi PKP. iii. Pemantauan pelan Tindakan. iv. Semakan semula PKP.	Kekerapan sesi Bilangan pelan Bilangan laporan Bilangan semakan	1 1	 1 1	 1 1	 1	 1	Peningkatan tahap keselamatan dan penambahbaikan pengurusan risko jabatan.	2026 - 2030	BKP

TERAS STRATEGIK

T1 – KECEMERLANGAN TADBIR URUS

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 5										
Memperkasa budaya kerja cemerlang.	**7. Pelan Pengurusan Risiko yang komprehensif:**									
	i. Sesi libat urus dengan pihak berkaitan.	Kekerapan sesi	1		1		1	Penambaikan pengurusan risiko ke arah penyampaian perkhidmatan yang berkesan.	2026 - 2030	BKP
	ii. Pemantauan pelan Tindakan.	Bilangan laporan	1	1	1	1	1			
	iii. Semakan semula Pelan Pengurusan Risiko.	Bilangan semakan			1					

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 6										
Menjalinkan Kerjasama strategi dalam pelbagai bidang.	**1. Pembudayaan inovasi:**									
	i. Mentoring inovasi.	Bilangan program		1		1		Peningkatan penyampaian perkhidmatan yang lebih berkualiti.	2026 - 2030	BKP
	ii. Penanda arasan.	Bilangan program	1	1	1	1	1			
	iii. Penghasilan Inovasi.	Bilangan projek	1		1		1			
	2. Perkongsian dan keselamatan data:									
	i. Sesi libat urus dan sesi perkongsian ilmu.	Bilangan sesi libat urus	2	2	2	2	2	Peningkatan tahap keselamatan data jabatan.	2026 - 2030	BKP





PELAN STRATEGIK

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT

TERAS STRATEGIK

T2 – PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH

TERAS STRATEGIK

T2 – PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 1 **Meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran tanah.**	**1. Penambahbaikan prosedur kerja:** i. Semakan semula tempoh masa permohonan.	Kekerapan semakan		1		1		Peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan bahagian tanah.	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan Tanah
	2. Pengemaskinian proses permohonan urusan tanah kepada orang awam dalam pelbagai platform: i. Pengemaskinian senarai semak permohonan di portal jabatan.	Kekerapan pengemaskinian	2	2	2	2	2	Peningkatan kefahaman orang awam melalui proses kerja urusan tanah.	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan Tanah
	ii. Hebahan infografik proses permohonan.	Kekerapan hebahan	2	2	2	2	2			
	3. Peningkatan kompetensi pegawai dalam pengurusan tanah: i. Penganjuran Latihan.	Bilangan penganjuran	2	2	2	2	2	Peningkatan tahap kefahaman dan kecekapan kakitangan Bahagian Pengurusan Tanah.	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan Tanah
	ii. Kehadiran kursus berkaitan pengurusan tanah.	Bilangan hari berkursus	2	2	2	2	2			

TERAS STRATEGIK

T2 – PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 1										
Meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran tanah.	**4. Penyimpanan dokumen suratcara yang lebih sistematik:**									
	i. Imbasan dokumen suratcara.	Bilangan penganjuran	100	100	100	100	100	Peningkatan kecekapan penyimpanan dokumen.	2026 - 2030	Bahagian Pengurusan Tanah

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 2										
Meningkatkan kecekapan pengurusan dan pentadbiran tanah.	**1. Penggunaan aplikasi GIS terkini dalam pengurusan dan pentadbiran tanah:**									
	i. Latihan Penggunaan teknologi GIS di kalangan Penolong Pegawai Tanah dan Pelukis Pelan.	Bilangan latihan	1	1	1	1	1	Peningkatkan kecekapan pemantauan guna tanah.	2026 - 2030	Unit Teknikal dan Penguatkuasaan
	ii. Latihan teknologi *Drone* dan *GIS software* dikalangan kakitangan Bahagian Pengurusan Tanah.	Bilangan latihan	1	1	1	1	1	Data maklumat tanah lengkap dan tepat.		
	iii. Perolehan teknologi *(Drone* dan *GIS software).*	Bilangan unit			1					

TERAS STRATEGIK

T2 – PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 2										
Memperkasakan kaedah pemantauan guna tanah yang efisyen.	**2. Pewujudan inventori data bagi aktiviti pelanggaran syarat nyata tanah:**									
	i. Kolaboratif silang diantara jabatan dan agensi.	Kekerapan mesyuarat	2	2	2	2	2	Pengurangan aktiviti langgar syarat tanah.	2026 - 2030	Unit Teknikal dan Penguatkuasaan
	ii. Pengemaskinian rekod inventori.	Kekerapan pengemaskinian	6	6	6	6	6			
	iii. Tindakan penguatkuasaan.	Peratus pengeluaran notis	30	30	40	40	50			

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 3										
Meningkatkan kutipan hasil tanah setiap tahun.	**1. Peningkatan kutipan hasil:**									
	i. Hebahan dan promosi.	Kekerapan hebahan	12	12	12	12	12	Peningkatan kutipan hasil cukai tanah / petak di Daerah Kuala Langat.	2026 - 2030	Unit Hasil
	ii. Ops gempur.	Kekerapan operasi	12	12	12	12	12			
	iii. *Matchmaking* data cukai petak.	Kekerapan pengemaskinian	12	12	12	12	12	Pengurangan Akaun Belum Terima (ABT).		

TERAS STRATEGIK

T2 – PENGUKUHAN PENGURUSAN DAN PENTADBIRAN TANAH

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 3 **Meningkatkan kutipan hasil tanah setiap tahun.**	**2. Pindaan cukai tanah / pindaan cukai petak:**									
	i. Pemurnian data cukai hakmilik.	Peratus kemaskini data	25	50	100			Peningkatan kutipan hasil cukai tanah / petak di Daerah Kuala Langat.	2026 - 2030	Unit Hasil
	ii. Hebahan kenaikan cukai tanah / petak.	Kekerapan hebahan	2	2	2					
	iii. Pindaan Cukai Tanah (PCT) dan pindaan cukai petak.	Peratus pindaan			100					
	3. Peningkatan hasil baharu:									
	i. Permit sumber baharu yang dikeluarkan.	Peratus kemaskini data	2	2	2	2	2	Peningkatan hasil pendapatan kerajaan negeri.	2026 - 2030	Unit Pelupusan Tanah dan Unit Pembangunan Tanah





PELAN STRATEGIK

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT

TERAS STRATEGIK

T3 – INTEGRASI PEMBANGUNAN DAN SOSIO EKONOMI

TERAS STRATEGIK

T3 – PINTEGRASI PEMBANGUNAN DAN SOSIO EKONOMI

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 1 **Menaik Taraf Kualiti Kemudahan dan Infrastruktur Awam.**	**1. Pembangunan kaedah penilaian khusus bagi pemilihan projek:** i. Sesi Libat Urus. ii. Hebahan penilaian. iii. Semakan semula kriteria.	Kekerapan Sesi Bilangan penilaian	1	1	1	1	1	Pemantapan Kualiti Kemudahan dan Infrastruktur Awam.	2026 - 2030	PLB
	2. Semakan kefungsian Infrastruktur awam.	Bilangan semakan	Penetapan kriteria semakan dan laporan	1		1		Peningkatan aset yang berkeadaan lebih baik dan kondusif.	2026 - 2030	PLB

TERAS STRATEGIK

T3 – PINTEGRASI PEMBANGUNAN DAN SOSIO EKONOMI

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 2 **Memperkukuhkan peranan JPKK.**	**1. Pemerkasaan Peranan JPKK:**									
	i. Hebahan aktiviti kemasyarakatan.	Kekerapan hebahan	4	4	4	4	4	Pemantapan peranan JPKK.	2026 - 2030	PLB
	ii. Sesi *Townhall.*	Bilangan sesi	4	4	4	4	4			
	2. Kajian kepuasan komuniti setempat.	Bilangan kajian	2	2	2	2	2			

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 3 **Memperkasa aktiviti kemasyarakatan.**	**1. Pemantauan program JPKK.**	Bilangan laporan	6	6	6	6	6	Program mesra rakyat selaras garis panduan semasa.	2026 - 2030	PLB
	2. Kajian keperluan penduduk / komuniti kampung.	Bilangan kajian	2	2	2	2	2			





PELAN STRATEGIK

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT

TERAS STRATEGIK

T4 – PENGURUSAN BENCANA

TERAS STRATEGIK

T4 – PENGURUSAN BENCANA

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 1 **Memantapkan pengurusan dan pengoperasian bencana yang sistematik dan bersepadu.**	**1. Kesiapsiagaan menghadapi bencana:**									
	i. Penyelarasan bersama agensi kerajaan.	Kekerapan mesyuarat	2	2	2	2	2	Peningkatan tahap latihan dan kesiapsiagaan semua agensi pada tahap yang terbaik.	2026 - 2030	BKP
	ii. Pewujudan pangkalan hadapan.	Bilangan pangkalan hadapan	1	1	1	1	1			
	2. Penambahbaikan pengurusan agihan:									
	i. Senarai semak / tatacara pengagihan bantuan kepada mangsa bencana oleh NGO.	Bilangan senarai semak	1		1		1	Peningkatan kecekapan pengurusan pengagihan bencana.	2026 - 2030	BKP
	ii. Pembangunan pengkalan data kawalan pengagihan bantuan.	Peratus kemajuan pembangunan	25	25	50					
	3. Program Pasca Bencana peringkat daerah Kuala Langat.	Bilangan mesyuarat	1	1	1	1	1	Pengurangan kesan akibat bencana terhadap masyarakat dan alam sekitar.	2026 - 2030	BKP

TERAS STRATEGIK

T4 – PENGURUSAN BENCANA

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 2 **Meningkatkan kompetensi kakitangan jabatan dan agensi dalam pengurusan bencana.**	**1. Latihan penggunaan sistem pengurusan bencana (DDOC).**	Kekerapan latihan	1	2	1	2	1	Peningkatan tahap pengurusan bencana dengan lebih sistematik dan berkesan.	2026 - 2030	BKP
	2. Simulasi dan latihan gerak kerja bencana pelbagai agensi peringkat daerah.	Kekerapan latihan	1	1	1	1	1			

TERAS STRATEGIK

T4 – PENGURUSAN BENCANA

STRATEGI	PROGRAM	INDIKATOR	SASARAN						TEMPOH	BAHAGIAN
			Output 2026	Output 2027	Output 2028	Output 2029	Output 2030	Outcome		
STRATEGI 3 **Memantapkan pengurusan logistik dalam pengurusan bencana daerah.**	**1. Inventori logistik.**	Kekerapan semakan bilangan inventori	1	1	1	1	1	Peningkatan tahap kesiapsiagaan aset secara menyeluruh.	2026 - 2030	BKP
	2. Cadangan permohonan penambahan aset.	Bilangan permohonan	1	1	1	1	1			
	3. Penyelenggaraan berkala.	Kekerapan penyelenggaraan	1	1	1	1	1			

JAWATANKUASA PEMANTAUAN DAN KAJIAN SEMULA

Aspirasi untuk memperkemas dan memperhebat Sistem Penyampaian Perkhidmatan merupakan komitmen setiap Bahagian / Unit di PDTKL. Jawatankuasa Kerja dan Pengurusan Strategik ditubuhkan seterusnya menggembleng tanggungjawab dan peranan bagi memastikan strategi dan pelan tindakan yang terkandung dalam Pelan Strategik ini dicapai mengikut petunjuk prestasi yang ditetapkan menjelang tahun 2030. Dalam konteks ini, pemantauan dan kajian semula perlu dilaksanakan agar semua aktiviti/program sentiasa berada pada landasan sebenar bagi mencapai objektif utama pelan strategik berdasarkan 4 teras strategi yang telah digariskan.

Pengerusi	Pegawai Daerah Kuala Langat
Ahli-Ahli	Semua Ketua Bahagian / Unit
Kekerapan Bersidang	• Mesyuarat Pemantauan Pencapaian Pelan Strategik – 2 kali setahun • Mesyuarat Pengurusan Strategik – 1 kali setahun • Mesyuarat Kajian Semula Pelan Strategik – 2029
Bulan / Tahun	Jan – Jun & Jul – Dis 2026 – 2030




PENGHARGAAN & PENUTUP

- Dokumen ini dijadikan panduan strategik bagi Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat (PDTKL) untuk melaksanakan peranan sebagai agensi utama dalam pembangunan daerah Kuala Langat. Dengan visi dan misi yang jelas dan berfokus serta nilai bersama yang kukuh, PDTKL bertekad mencapai kecemerlangan menjelang 2030.

- Setinggi-tinggi penghargaan diberikan kepada semua pihak yang telah menyumbang tenaga dan sokongan dalam menjayakan Pelan Strategik Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat 2026 – 2030. Dokumen ini adalah hasil semangat, kebersamaan yang menjadi integriti dan komitmen bersama sebagai asas kepada kecemerlangan organisasi. Semoga usaha ini terus memperkukuh pembangunan daerah serta mengekalkan kesejahteraan masyarakat.

- Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada pihak Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) di atas segala ilmu yang telah diberikan bagi menyempurnakan Pelan Strategik ini sehingga berjaya dibukukan.



- TERIMA KASIH -

ANDA DIUTAMAKAN

PEJABAT DAERAH DAN TANAH KUALA LANGAT

Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Langat
Persiaran Sultan Abdul Aziz Shah,
Kota Seri Langat (Sungai Sedu),
42700 Banting,Selangor Darul Ehsan.

03-3182 2555
03-3187 2011
https://kualalangat.selangor.gov.my
klangat@selangor.gov.my
pdt kuala langat